

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**TENDER NO. MADA(T)/BIP/P/02/2025****KENYATAAN TAWARAN /NOTIS TENDER**

1. Tawaran daripada pembida tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan di bawah kod bidang **070101 – Baja Dan Nutrien Tumbuhan (Organik/ Bukan Organik)** akan diterima di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada **25 Februari 2025**.

NO. TENDER	TAJUK	LAWATAN TAPAK	KOD BIDANG
MADA(T)/BIP/P/02/2025	Membekal, Menghantar Dan Mengaplikasikan Bahan Input Pemulih Tanah Di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Kedah Dan Perlis Tahun 2025	Tiada Keperluan Lawatan Tapak	070101 – Baja Dan Nutrien Tumbuhan (Organik/ Bukan Organik)

Semua butiran lanjut dan Dokumen Tawaran Tender boleh diperoleh di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**, mulai **5 Februari 2025** hingga **25 Februari 2025** pada waktu dan hari bekerja.

2. Pembida yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki:-
 - i. Membawa bersama salinan asal **Surat Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Surat Akuan Pendaftaran Syarikat Bertaraf Bumiputera** (jika berkaitan) untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat dan akuan pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan Dokumen Tawaran Tender. Bagi mana-mana pembida yang namanya tiada di dalam surat-surat pendaftaran tersebut, perlulah mengemukakan surat lantikan Wakil Syarikat yang sah sebagai bukti untuk mengambil bahagian di dalam tawaran ini.
 - ii. Membeli Dokumen Tawaran Tender dengan harga **RM100.00** setiap naskhah.
3. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **atas talian sahaja dengan menggunakan kaedah 'QR code' atau 'Instant Transfer'** atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**. Bayaran secara tunai atau cek persendirian /syarikat tidak akan diterima. **Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.**
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.



(ENGKU MAZLIN BINTI ENGKU HALIN)
 Pengarah Bahagian Industri Padi